

**PROGRAM SAHSIAH UNGGUL MURID :  
TAHAP PENGETAHUAN DAN AMALAN GURU  
PENDIDIKAN ISLAM SEBAGAI MURABBI**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2023**

**PROGRAM SAHSIAH UNGGUL MURID :  
TAHAP PENGETAHUAN DAN AMALAN GURU  
PENDIDIKAN ISLAM SEBAGAI MURABBI**

**GHAIAZRA BIN MOHAMMAD ALI**



**UMS**

**TESISINI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN  
IJAZAH SARJANA SASTERA**

**FAKULTI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2023**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

JUDUL : **PROGRAM SAHSIAH UNGGUL MURID : TAHAP PENGETAHUAN DAN AMALAN GURU PENDIDIKAN ISLAM SEBAGAI MURABBI**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA**

BIDANG : **PENGAJIAN ISLAM**

Saya **GHAIAZRA BIN MOHAMMAD ALI**, Sesi **2018-2023**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):

**SULIT**

**TERHAD**

  
**/**

**TIDAK TERHAD**

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

Disahkan Oleh,

**ANITA BINTI ARSAD**  
PUSTAKAWAN KANAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**GHAIAZRA BIN MOHAMMAD ALI**  
**MU1811008T**

(Tandatangan Pustakawan)

**(Dr. Sarip bin Adul)**  
Penyelia Utama

Tarikh : 12 Jun 2023

## **PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



15 Februari 2023

---

Ghaiazra Bin Mohammad Ali  
MU1811008T



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGESAHAN**

NAMA : **GHAIAZRA BIN MOHAMMAD ALI**

NO. MATRIK : **MU1811008T**

TAJUK : **PROGRAM SAHSIAH UNGGUL MURID: TAHAP PENGETAHUAN DAN AMALAN GURU PENDIDIKAN ISLAM SEBAGAI MURABBI**

IJAZAH : **SARJANA**

BIDANG : **PENGAJIAN ISLAM**

TARIKH VIVA : **15 FEBRUARI 2023**

**DISAHKAN OLEH;**



**1. PENYELIA UTAMA**  
Dr. Sarip bin Adul



**2. PENYELIA BERSAMA**  
Dr. Abang Mohd Razif bin Abang Muis

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Abang Razif', is placed above a horizontal line.

## **PENGHARGAAN**

*Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang...*

*Alhamdulillah.*

Segala puja dan puji bagi Allah Azza Wajalla, Tuhan yang Maha Mengasihani, Tuhan sekalian alam. Selawat dan Salam buat junjungan besar dan penutup segala Rasul Nabi Muhammad s.a.w serta ahli keluarga baginda. Pertamanya, dipanjatkan kesyukuran ke atas ilahi di atas rahmat-Nya serta taufiq dan hidayah-Nya, juga nikmat kesihatan dan rezeki yang dicurahkan, maka dapatlah saya menyiapkan penulisan tesis ini dengan jayanya.

Penghargaan dan terima kasih pertamanya saya berikan khas kepada kedua ibu bapa saya Tuan Haji Mohammad Ali bin Haji Serani dan Puan Hajah Patemah binti Bujang yang selalu mengingatkan diri ini dan mendoakan diri ini agar berjaya di dunia dan akhirat. Ya Allah, engkau ampunkanlah segala dosa dan kesalahan mereka berdua. Seterusnya, penghargaan dan terima kasih juga kepada suri hidup Puan Norkhadilla binti Haldin dan penyeluk mata perjalanan keilmuan anakanda Khairatun Fateha dan Asrar Fakhrii, yang tidak pernah jemu untuk berada di sisi sehingga penulisan ini berjaya disiapkan. Terima kasih juga ibu bapa mertua dan semua adik beradik, ipar-biras dan saudara mara yang banyak menyokong saya.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih yang pasti tidak mampu saya membalaunya hingga ke akhir hayat saya iaitu penyelia utama saya Dr. Sarip bin Adul atas bimbingan, didikan, teguran serta nasihat beliau yang memberi manfaat kepada saya dan berguna sepanjang menyiapkan penyelidikan ini. Penghargaan dan jutaan terima kasih ini juga dirakamkan buat penyelia bersama saya Dr. Abang Razif bin Abang Muis yang juga membantu dan memberi galakan kepada saya untuk menyiapkan kajian ini bersandarkan pada kepakaran dan pengalaman yang dikongsi. Jutaan penghargaan dan terima kasih juga kepada Dr. Azhar bin Ahmad, Tuan Haji Suib, Ustaz Awang Nurizal, Cik Nur Adila, Cik Norhaniza, En Mohd Afifi dan En Mahran yang mana tidak pernah merasa letih untuk berkongsi pengalaman, pengetahuan, kemahiran serta menggunakan kepakaran masing-masing dalam menyiapkan penulisan kajian ini.

Tidak dilupa juga buat adik-beradik yang tersayang, saudara mara serta orang perseorangan yang selalu mendoakan saya dalam perjalanan ini. Saya doakan kesemuanya beroleh ganjaran, serta rahmat-Nya dan beroleh keberkatan-Nya.

Ghaiazra Bin Mohammad Ali

15 Februari 2023

## **ABSTRAK**

Program SUMUR adalah program yang dirangka oleh Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia yang bertujuan untuk mengukur sahsiah dan kemenjadian pelajar di peringkat sekolah menengah berdasarkan kepada empat modul utama. Apabila menghuraikan program bermodul, maka secara tidak langsung berhubung rapat dengan pelaksana atau pengendali modul tersebut. GPI adalah pelaksana atau pengendali utama modul yang terdapat dalam program SUMUR. Oleh itu, pendekatan kajian kuantitatif ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan amalan Guru Pendidikan Islam (GPI) sebagai Murabbi di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di negeri Sarawak. Seramai seratus tiga puluh orang GPI telah dipilih sebagai sampel kajian yang mewakili populasi GPI di negeri Sarawak. Sampel kajian ini dipilih daripada tujuh buah SMKA yang melibatkan tiga zon di negeri Sarawak. Data kuantitatif telah dikumpulkan menggunakan instrumen borang soal selidik. Data telah dianalisis secara statistik deskriptif (kekerapan (frekuensi, min dan peratusan) dan melalui statistik inferensi (Ujian-t sampel bebas, ANOVA satu hala, dan Korelasi Pearson) dengan menggunakan perisian SPSS 24.0. Berdasarkan analisis statistik deskriptif yang telah dijalankan, tahap pengetahuan GPI sebagai Murabbi dalam program SUMUR menunjukkan jumlah nilai min keseluruhan adalah 3.75 dan sisihan piawai 0.30. Hal ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan GPI berada pada tahap tinggi. Manakala, dapatan kajian bagi tahap amalan GPI sebagai Murabbi dalam program SUMUR menunjukkan nilai min keseluruhan amalan berada pada tahap sederhana iaitu nilai min 3.51 dan sisihan piawai 0.58. Dapatan analisis Ujian-t pula menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara GPI berlainan jantina pada tahap pengetahuan iaitu nilai  $p=0.94$  ( $p>0.05$ ) dan tahap amalan iaitu nilai  $p=0.09$  ( $p>0.05$ ). Dapatan kajian juga menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan tahap pengetahuan GPI berlainan umur ( $p=0.75$  ( $p>0.05$ ), tempoh perkhidmatan ( $p=0.75$  ( $p>0.05$ )) dan peranan GPI ( $p=0.48$  ( $p>0.05$ )). Hasil analisis juga menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan tahap amalan GPI berlainan umur ( $p =0.88$  ( $p>0.05$ )), tempoh perkhidmatan ( $p=0.84$  ( $p>0.05$ )) dan peranan  $p=0.81$  ( $p>0.05$ ). Hasil analisis ujian Korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan tetapi berada pada tahap lemah antara pengetahuan dan amalan GPI sebagai Murabbi dalam program SUMUR iaitu ( $r=0.48$  dan  $p=0.00$ ). Hasil kajian ini telah membuktikan bahawa hubungan pengetahuan dan amalan GPI menjadi penyumbang kepada GPI sebagai Murabbi dalam program SUMUR. Justeru, pengkaji mendapati hubungan antara pengetahuan dan amalan GPI sebagai Murabbi adalah elemen yang penting dalam menjayakan Program SUMUR di sekolah.

## **ABSTRACT**

### **SAHSIAH UNGGUL MURID (SUMUR) PROGRAMME : LEVEL OF KNOWLEDGE AND PRACTICE OF ISLAMIC EDUCATION TEACHER (GPI) AS MURABBI**

*SUMUR Program is a program established by Islamic Education Division, Ministry of Education, Malaysia which the purpose is to measure the development of students' personalities holistically at the secondary school level based on four main modules. When it comes to program with modules, it is indirectly related to the implementor of the modules. GPI (Islamic Education Teachers) are the primary implementors of the aforementioned modules in the SUMUR program. Therefore, this quantitative research approach had been done to identify the level of knowledge and practice among the GPI as Murabbi in Sekolah Menengah Kebangsaan Agama in Sarawak. 130 GPIs had been selected as research samples that represent the GPI population in Sarawak. These research samples were selected from seven SMKAs that involved three zones in Sarawak. The quantitative data was gathered using survey instrument. As for the analysis, methods such as descriptive statistic (rate of frequency, min and percentage) and statistical inferencing (T-test free samples, one-way ANOVA and Pearson Correlation) were used through SPSS 24.0 software. Based on the descriptive statistical analysis that has been carried out, the level of knowledge of GPI as Murabbi in the SUMUR Programme shows that the overall mean value is 3.75 and the standard deviation is 0.30. This shows that the level of knowledge of GPI is at a high level. Meanwhile, the research findings for the level of GPI practice as Murabbi in the SUMUR Programme show that the mean value of the overall practice is at a moderate level which is a mean value of 3.51 and a standard deviation of .58. The results of the t-test analysis show that there is no significant difference between the GPI of different genders at the knowledge level which is  $p=0.94$  ( $p>0.05$ ) and the practice level which is  $p=0.09$  ( $p>0.05$ ). The findings of the study also show that there is no significant difference in the level of GPI knowledge of different ages ( $p=0.75$  ( $p>0.05$ )), length of service ( $p=0.75$  ( $p>0.05$ )) and the role of GPI ( $p=0.48$  ( $p>0.05$ )). The results of the analysis also show that there is no significant difference in the level of GPI practice of different ages ( $p = .888$  ( $p>.05$ )), length of service ( $p=0.84$  ( $p>0.05$ )) and role  $p=0.81$  ( $p>0.05$ ). The results of the Pearson Correlation test analysis show that there is a significant relationship but at a weak level between the knowledge and practice of GPI as a Murabbi in the SUMUR Programme which is ( $r = 0.48$  and  $p=0.00$ ). The results of this study have proven that the knowledge relationship and GPI's practice contributes to GPI as Murabbi in the SUMUR Programme. Thus, the researcher found the relationship between GPI's knowledge and practice as Murabbi is an important element in the success of the SUMUR Programme in schools.*

## **SENARAI KANDUNGAN**

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI SIMBOL</b>	xvii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xviii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xx
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
1.1    Pendahuluan	1
1.2    Latar Belakang	4
1.3    Penyataan Masalah	6
1.4    Objektif Kajian	8
1.5    Persoalan Kajian	8
1.6    Hipotesis Kajian	9
1.6.1    Hipotesis Null (Ho) Bagi Persoalan Kajian Ke-3:	9
1.6.2    Hipotesis Null (Ho) Bagi Persoalan Kajian Ke-4:	10
1.7    Kepentingan Kajian	10
1.8    Batasan Kajian	10

1.8.1	Skop Kajian Tentang Murabbi	10
1.8.2	Populasi dan Persampelan Kajian	14
1.9	Kerangka Teori Kajian	14
1.10	Definisi Istilah	17
1.10.1	Guru Pendidikan Islam	18
1.10.2	Pengetahuan	19
1.10.3	Amalan	29
1.10.4	Murabbi	20
1.10.5	Program SUMUR	23
1.10.6	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)	24
1.11	Rumusan	25

## **BAB 2: SOROTAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	26
2.2	Program Sahsiah Unggul Murid (SUMUR)	26
2.2.1	Modul Program SUMUR	30
2.2.2	Pelaksanaan Program SUMUR	31
2.2.3	Modul Usrah Program SUMUR	33
2.2.4	Penilaian Program SUMUR	35
2.2.5	Kajian Lepas Berkaitan Program SUMUR	37
2.3	Konsep Guru Pendidikan Islam (GPI) Sebagai Murabbi	41
2.3.1	Pandangan Pemikir Tradisi dan Kontemporari Berkaitan Guru Sebagai Murabbi	43
2.3.2	Kajian Lepas Berkaitan Guru Sebagai Murabbi	49
2.4	Konsep Pengetahuan dan Amalan	55
2.4.1	Kajian Lepas Berkaitan Pengetahuan dan Amalan	58
2.5	Rumusan	60

### **BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	62
3.2	Reka Bentuk Kajian	63
3.3	Populasi dan Persampelan Kajian	66
3.4	Instrumen Kajian	70
3.4.1	Pembinaan Instrumen Kajian	71
3.4.2	Penstrukturkan Instrumen Kajian	72
3.4.3	Pemboleh Ubah Kajian	77
3.5	Kajian Rintis	78
3.5.1	Pentadbiran Kajian Rintis	78
3.5.2	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	80
3.5.3	Kesahan Muka, Kandungan, Konstruk	81
3.6	Prosedur Penggumpulan Data Kajian	84
3.6.1	Prosedur Sebelum Kajian	85
3.6.2	Prosedur Semasa Kajian	85
3.6.3	Prosedur Selepas Kajian	86
3.7	Prosedur Selepas Kajian	87
3.7.1	Statistik Deskriptif	89
3.7.2	Statistik Inferensi	90
3.8	Rumusan	93

### **BAB 4: DAPATAN KAJIAN**


4.1	Pengenalan	94
4.2	Latar Belakang Profil Responden	94
4.3	Hasil Analisis Kajian	

4.3.1	Objektif Kajian Pertama: Mengetahui Tahap Pengetahuan Program SUMUR Dalam Kalangan GPI Sebagai Murabbi Berdasarkan Kepada Jantina, Umur, Tempoh Perkhidmatan dan Peranan Mereka	97
4.3.2	Objektif Kajian Kedua: Mengenal Pasti Tahap Amalan Murabbi Dalam Kalangan GPI Dalam Melaksanakan Program SUMUR	112
4.3.3	Objektif Kajian Ketiga: Menganalisis Perbezaan Dalam Skor Min Tahap Pengetahuan dan Tahap Amalan GPI Sebagai Murabbi Mengikut Jantina, Umur, Tempoh Perkhidmatan dan Peranan Dalam Pelaksanaan Program SUMUR	124
4.3.4	Objektif Kajian Keempat: Menilai Hubungan Antara Pengetahuan dengan Amalan GPI Sebagai Murabbi Terhadap Pelaksanaan Program SUMUR	135
4.4	Ringkasan Dapatan Kajian	137
4.4.1	Pengujian Hipotesis	137
4.4.2	Rumusan Dapatan Kajian	138
4.5	Rumusan	140

## **BAB 5: RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN**

5.1	Pengenalan	142
5.2	Rumusan Kajian	142
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	145
5.3.1	Perbincangan Tahap Pengetahuan GPI Sebagai Murabbi	145
5.3.2	Perbincangan Tahap Amalan GPI Sebagai Murabbi	147
5.3.3	Perbincangan Hubungan Antara Pengetahuan dan Amalan GPI Sebagai Murabbi	150
5.4	Implikasi Kajian	151
5.5	Cadangan Penambahbaikan dan Kajian Lanjutan	154
5.5.1	Cadangan Penambahbaikan	154

5.5.2	Cadangan Kajian Lanjutan	155
5.6	Rumusan	156
<b>RUJUKAN</b>		157
<b>LAMPIRAN</b>		165




**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1 : Jadual Rubrik Penilaian Individu Program SUMUR	35
Jadual 3.1 : Bilangan GPI di SMKA dan SABK di Sarawak	67
Jadual 3.2 : Bilangan Sampel Kajian mengikut SMKA/SABK Setiap Bahagian di Negeri Sarawak	68
Jadual 3.3 : Jadual Penentuan Saiz Sampel, Krejcie dan Morgan (1970)	69
Jadual 3.4 : Pembinaan Instrumen Kajian	71
Jadual 3.5 : Taburan Item Mengikut Konstruk Pengetahuan SUMUR	75
Jadual 3.6 : Taburan item Amalan GPI Sebagai Murabbi Program SUMUR	76
Jadual 3.7 : Pemboleh Ubah Bersandar dan Tidak Bersandar Mengikut Hipotesis Kajian	77
Jadual 3.8 : Senarai Item Soal Selidik yang Mengalami Perubahan	80
Jadual 3.9 : Keputusan Analisis Kebolehpercayaan Item	81
Jadual 3.10 : Senarai Pakar dan Arbiter Soal Selidik	82
Jadual 3.11 : Ringkasan Keputusan Korelasi Pearson Kesahan Konstruk	83
Jadual 3.12 : Kod Set Soal Selidik dan Bilangan Sampel	86
Jadual 3.13 : Jadual Pengujian Statistik Bagi Menjawab Persoalan Kajian	88
Jadual 3.14 : Skala Interpretasi Skor Min	90
Jadual 3.15 : Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	92
Jadual 4.1 : Profil GPI di SMKA Mengikut Zon dan Tempat Bertugas	95
Jadual 4.2 : Profil GPI Mengikut Demografi	96

Jadual 4.3	: Skala Interpretasi Skor Min	97
Jadual 4.4	: Kekerapan, Peratusan dan Nilai Min Konstruk Pengetahuan	104
Jadual 4.5	: Kekerapan, Peratusan dan Nilai Min Konstruk Amalan	121
Jadual 4.6	: Jadual <i>Descriptives</i> Normaliti Min Pengetahuan	125
Jadual 4.7	: Ujian Normaliti Min Pengetahuan	126
Jadual 4.8	: Jadual <i>Descriptives</i> Normaliti Min Amalan	127
Jadual 4.9	: Ujian Normaliti Min Amalan	127
Jadual 4.10	: Ringkasan Keputusan Ujian-t Sampel Bebas Analisis Perbezaan Tahap Pengetahuan Berlainan Jantina	129
Jadual 4.11	: Ringkasan Keputusan Ujian ANOVA Satu Hala Analisis Perbezaan Tahap Pengetahuan Berlainan Umur	130
Jadual 4.12	: Ringkasan Keputusan jian ANOVA Satu Hala Analisis Perbezaan Tahap Pengetahuan Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan	131
Jadual 4.13	: Ringkasan Keputusan Ujian ANOVA Satu Hala Analisis Perbezaan Tahap Pengetahuan Berdasarkan Peranan	132
Jadual 4.14	: Ringkasan Keputusan Ujian-t Analisis Perbezaan Tahap Amalan Mengikut Jantina	133
Jadual 4.15	: Ringkasan Keputusan Ujian ANOVA Satu Hala Analisis Perbezaan Tahap Amalan Berdasarkan Umur	133
Jadual 4.16	: Ringkasan Keputusan Ujian ANOVA Satu Hala Analisis Perbezaan Tahap Amalan Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan	134
Jadual 4.17	: Ringkasan Keputusan ujian ANOVA Satu Hala Analisis Perbezaan Tahap Amalan Berdasarkan Peranan	137
Jadual 4.18	: Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	136
Jadual 4.19	: Ringkasan Keputusan Korelasi Pearson di Antara Pengetahuan dan Amalan	137



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI RAJAH**

	Halaman
Rajah 1.1 : Infografik Pengertian Istilah Murabbi	11
Rajah 1.2 : Infografik 5 Elemen Amalan Murabbi	13
Rajah 1.3 : Kerangka Teori Kajian Pengetahuan dan Amalan Murabbi Dalam Program SUMUR	15
Rajah 1.4 : Kerangka Konseptual Kajian GPI Sebagai Murabbi Program SUMUR	17
Rajah 2.1 : Modul Asal Program Sahsiah Unggul Murid 5 C	27
Rajah 2.2 : Kronologi Idea Perubahan dan Penambahbaikan Program SUMUR	29
Rajah 2.3 : Modul dan Kriteria Program SUMUR	31
Rajah 2.4 : Jawatankuasa Pelaksana Program SUMUR	32
Rajah 2.5 : Carta Alir Pelaksanaan Modul Usrah SUMUR	34
Rajah 2.6 : Contoh Borang Penilaian Kumpulan SUMUR	36
Rajah 2.7 : Contoh Borang Penilaian Individu SUMUR	37
Rajah 2.8 : Konstruk Pengetahuan Program SUMUR	41
Rajah 2.9 : Model Murabbi al-Ghazali	44
Rajah 2.10 : Kualiti Murabbi Ibn Khaldun (1958)	45
Rajah 2.11 : Model Murabbi Abdullah Nashih Ulwan (1968)	47
Rajah 2.12 : Model Kualiti Murabbi al-Nakhlawi (1979)	48
Rajah 2.13 : Ciri-ciri Murabbi, Hasan Langgulung (2011)	49
Rajah 2.14 : Model Amalan GPI Sebagai Murabbi Program SUMUR	52
Rajah 3.1 : Reka Bentuk Kajian Secara Keseluruhan	65
Rajah 3.2 : Prosedur Penggumpulan Data Kajian	84
Rajah 4.1 : Profil Graf Peratusan, Kekerapan dan Nilai Min Konstruk Pengetahuan Asas Program SUMUR	99

Rajah 4.2	: Profil Graf Peratusan, Kekerapan dan Nilai Min Konstruk Kandungan Modul SUMUR	100
Rajah 4.3	: Profil Graf Peratusan, Kekerapan dan Nilai Min Konstruk Kaedah Pelaksanaan Program SUMUR	101
Rajah 4.4	: Profil Graf Peratusan, Kekerapan dan Nilai Min Konstruk Pengetahuan Modul Usrah SUMUR	102
Rajah 4.5	: Profil Graf Peratusan, Kekerapan dan Nilai Min Konstruk Pengetahuan Modul Usrah SUMUR	103
Rajah 4.6	: Graf Tahap Pengetahuan Mengikut Jantina	101
Rajah 4.7	: Graf Tahap Pengetahuan Mengikut Umur	111
Rajah 4.8	: Graf Tahap Pengetahuan Mengikut Tempoh Perkhidmatan	111
Rajah 4.9	: Graf Tahap Pengetahuan Mengikut Peranan	112
Rajah 4.10	: Rajah Pilihan Jawapan Responden (Skala Likert)	112
Rajah 4.11	: Graf Peratusan, Kekerapan dan Nilai Min Elemen Amalan Tugas Dijadikan Sebagai Ibadah dan Amanah	114
Rajah 4.12	: Graf Peratusan, Kekerapan dan Nilai Min Elemen Amalan Menganggap Pelajar Seperti Anak Sendiri	115
Rajah 4.13	: Graf Peratusan, Kekerapan dan Nilai Min Elemen Amalan <i>Role-Model</i> atau <i>Qudwah Hasanah</i>	116
Rajah 4.14	: Graf Peratusan, Kekerapan dan Nilai Min Elemen Amalan Kepelbagaian Kaedah Penyampaian	118
Rajah 4.15	: Graf Peratusan, Kekerapan dan Nilai Min Elemen Amalan Penerokaan dan Pemantapan Ilmu Semasa	119
Rajah 4.16	: Graf Normal <i>Q-Q Plot</i> Min Pengetahuan	126
Rajah 4.17	: Graf Normal <i>Q-Q Plot</i> Min Amalan	128

## SENARAI SIMBOL

<b>%</b>	-	Peratus
<b>H<sub>0</sub></b>	-	Hipotesis Null
<b>H<sub>a</sub></b>	-	Hipotesis Alternatif
<b><i>α</i></b>	-	Nilai Kebolehpercayaan <i>Alpha Cronbach</i>
<b><i>r</i></b>	-	Nilai Korelasi
<b>s.p</b>	-	Sisihan Piawai
<b>dv</b>	-	<i>Dependent Variable</i> (Pembolehubah Bersandar)
<b>iv</b>	-	<i>Independent Variable</i> (Pembolehubah Bebas)
<b>N</b>	-	Bilangan
<b>Sig.</b>	-	<i>Significance</i> (Signifikan)
<b>&gt;</b>	-	Lebih daripada
<b>&lt;</b>	-	Kurang daripada
<b>p</b>	-	Nilai pada tahap ketara 0.5
<b>Q-Q</b>	-	<i>Quantile-Quantile Plot</i>

## SENARAI SINGKATAN

<b>bil.</b>	-	Bilangan
<b>et al.</b>	-	<i>et alia (Latin) "and others"</i> (Penulis-penulis lain)
<b>hlm.</b>	-	Halaman
<b>ibid</b>	-	<i>(ibiden) : in the same place</i> (di tempat yang sama)
<b>jil.</b>	-	Jilid
<b>min</b>	-	Purata bagi nilai-nilai cerapan dalam satu set data
<b>no.</b>	-	Nombor
<b>terj.</b>	-	Terjemahan
<b>t.th</b>	-	Tanpa Tarikh
<b>vol.</b>	-	<i>Volume (Bilangan)</i>
<b>ANOVA</b>	-	<i>The Analysis of Variance</i>
<b>BPI</b>	-	Bahagian Pendidikan Islam
<b>BPPDP</b>	-	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
<b>FPI</b>	-	Fakulti Pengajian Islam
<b>GPI</b>	-	Guru Pendidikan Islam
<b>HEM</b>	-	Hal Ehwal Murid
<b>IKM</b>	-	Indeks Kemenjadian Murid
<b>JAPIM</b>	-	Jabatan Pendidikan Islam dan Moral
<b>JPNS</b>	-	Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
<b>CAA</b>	-	Kelas Aliran Agama
<b>KBSM</b>	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
<b>KPM</b>	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
<b>MRSM</b>	-	Maktab Rendah Sains Mara
<b>Ms EXCEL</b>	-	Perisian <i>Microsoft Excel</i>

<b>PPD</b>	-	Pejabat Pendidikan Daerah
<b>PPIB</b>	-	Pusat Penataraan Ilmu dan Bahasa (Universiti Malaysia Sabah)
<b>PPPM</b>	-	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
<b>R.A</b>	-	RadhiyaAllah hu 'anhу
<b>R.HA</b>	-	RadhiyaAllah hu 'anha
<b>SABK</b>	-	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
<b>SAR</b>	-	Sekolah Agama Rakyat
<b>SBP</b>	-	Sekolah Berasrama Penuh
<b>SHOAW</b>	-	Sheikh Haji Othman Abdul Wahab (SMKA)
<b>SM</b>	-	Sekolah Menengah
<b>SMKA</b>	-	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
<b>SPI</b>	-	Sektor Pendidikan Islam
<b>SPSS</b>	-	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
<b>SUMUR</b>	-	Program Sahsiah Unggul Murid
<b>SWT</b>	-	<i>Subhanahu Wa Ta'ala</i>
<b>S.A.W</b>	-	<i>Sallahu 'alaihi wa sallam</i>
<b>TAMU</b>	-	Tinta Artikulasi Membina Ummah (Jurnal)
<b>TUNAZ</b>	-	Tun Ahmad Zaidi (SMKA)
<b>UMS</b>	-	Universiti Malaysia Sabah
<b>UKM</b>	-	Universiti Kebangsaan Malaysia

## **SENARAI LAMPIRAN**

	Halaman
Lampiran A : Surat Perakuan Kebenaran Menggunakan Soal Selidik	165
Lampiran B : Borang Soal Selidik Penyelidikan	166
Lampiran C : Surat Perakuan Semakan Instrumen Penyelidikan	171
Lampiran D : Surat Permohonan Menjalankan Kajian	173
Lampiran E : Surat Pengesahan Status Pelajar	174
Lampiran F : Surat Kelulusan Menjalankan Kajian di Sekolah, Institut Pendidikan Guru, Jabatan Pendidikan Negeri dan Bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia	175
Lampiran G : Surat Kelulusan Menjalankan Kajian oleh Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak	176
Lampiran H : Rajah Output SPSS	177



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Mata pelajaran Pendidikan Islam bagi sistem persekolahan di Malaysia mempunyai tujuan yang jelas untuk mendidik manusia yang sempurna dalam aspek keimanan dan ketakwaan berlandaskan kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam yang komprehensif sesuai dengan al-Quran dan as-Sunnah yang merangkumi akidah, ibadah dan akhlak. Keadaan ini jelas menjadi isyarat penting kepada Guru Pendidikan Islam (GPI) khususnya dan warga pendidik amnya. Sebagai pendidik, watak dan peranan sewajarnya berkesan bagi menggalas amanah dan tanggungjawab tersebut.

Ini kerana guru memiliki kedudukan yang mulia di sisi masyarakat. Warga pendidik adalah golongan yang berperanan mendidik dua unsur kemuliaan manusia iaitu akal dan roh. Islam sebagai cara hidup (*Dinulhayah*) sudah pasti mempunyai pandangan yang khusus terhadap profesion yang mulia ini. Ini bertepatan dengan Firman Allah dalam al-Quran :

Maksudnya ;

*...Siapakah yang lebih baik daripada orang yang menyeru umat manusia kepada Allah serta melakukan amal kebajikan...<sup>1</sup>*

Jika kita meneliti maksud ayat tersebut, Allah telah mengangkat kemuliaan profesion ini. Profesion Keguruan ini termasuklah mereka yang mengajar sama ada di peringkat pra sekolah sehingga ke institusi pendidikan tinggi juga sama ada mereka yang berada dalam lingkungan pengajaran formal atau tidak formal.

---

<sup>1</sup> Al-Quran, Surah Fussilat 41 : 33.

Kemuliaan profesion ini bergantung dengan aspek perwatakan dan tanggungjawab guru sebenar di sekolah dan ketika berada di luar sekolah.

Sebagai seorang GPI, pemahaman dan penghayatan tentang elemen keimanan, keilmuan serta sikap dan amalan wajar dimantapkan untuk diterjemahkan ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Jelas di sini bahawa watak dan tanggungjawab GPI adalah isu utama dan penting. Ini kerana proses penerapan bagi setiap elemen tidak akan berfungsi dengan baik sekiranya guru yang bertindak sebagai pelaksana tidak melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan berkesan. Walau sebaik mana pun sistem pendidikan, sekiranya ejen pelaksana yakni GPI tidak memiliki kesedaran pada tanggungjawab, kemahiran pengajaran dan keluhuran peribadi yang unggul maka matlamat yang digariskan tidak akan tercapai (Abdul Halim al-Muhammadi, 1991).

Berdasarkan hakikat tersebut, GPI hendaklah sedar akan tanggungjawab dan peranan yang besar dalam mendidik generasi pelajar agar beriman, bertakwa dan berakhhlak supaya cemerlang dalam aspek kehidupan dunia dan ukhrawi. Peranan dan tanggungjawab GPI bukanlah hanya sekadar memindahkan ilmu pengetahuan dan memberi kefahaman terhadap pelajaran yang diberi. Peranan dan tanggungjawab mereka sebenarnya lebih jauh dari itu kerana mereka adalah ikutan dan model bagi para pelajar sama ada dari segi tutur kata, sikap dan tingkah laku mereka. Peranan GPI seperti mana yang dikatakan oleh pemikir-pemikir pendidikan adalah bertanggungjawab terhadap murid-murid (Abdul Raof Dalip, 1987), mahir dalam pengajaran dan pembelajaran, mantap dalam ilmu keagamaan (Wan Bakar Wan Dagang, 1981), dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu pengajaran. Abdul Halim Tamuri *et al.*, (2012), turut menekankan pendekatan *bil hikmah* dalam peranan GPI supaya mereka dapat mendorong sikap dan tingkah laku mereka sendiri ke arah kebaikan. Ini selaras dengan firman Allah yang terdapat dalam al-Quran yang bermaksud :